



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada petender-petender yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang pendaftarannya masih berkuatkuasa di dalam kod bidang yang berkaitan bagi perkhidmatan berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN
PB/PER/PP/4/6/25	TAWARAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN FOOD COURT LAMAN USAHAWAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS PERMATANG PAUH. Harga Dokumen : RM 40.00 Senaskah	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang: 040103 - MAKANAN BERMASAK ISLAM DAN BUMIPUTERA

1. Dokumen Sebut Harga

Dokumen Meja Sebut Harga mula dipamer pada **14/05/2025** di **PEJABAT BENDAHARI, TINGKAT 1, KOMPLEKS PERDANA, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG** pada waktu pejabat 8.30 pagi – 4.45 petang.

- Taklimat/Lawatan Tapak bagi Sebut Harga di atas akan diadakan pada **19/05/2025 (ISNIN)** pada jam **02.30 petang** **BERTEMPAT DI BILIK PERDANA 1, ARAS 2, BANGUNAN PERDANA, KOMPLEKS PERDANA UiTM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG.**
- Kehadiran Petender ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya Penama di dalam Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Petender tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan.
- Dokumen Tawaran boleh dibeli pada **20/05/2025** di **Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh** pada waktu pejabat secara **TANPA TUNAI** sama ada melalui kad debit/kad kredit/Deraf Bank atas nama BENDAHARI UiTM PULAU PINANG.
- Petender-petender dikehendaki membawa **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera, Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang seperti di atas dan menyerahkan satu **SALINAN (fotostat)** semasa membeli Dokumen Sebut Harga tersebut.
- Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **PEJABAT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.
- Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **03/06/2025 Jam 12.00 Tengahari.**